



Rujukan : UKM.RKK.100-1/3/1

Tarikh : 26 Julai 2021

**PEKELILING PUSAT PENGURUSAN RISIKO,
KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (ROSH-UKM) BIL.9/2021**

**SEMUA WARGA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**COVID-19: PELAKSANAAN PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 1 DI UNIVERSITI
KEBANGSAAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Seiring dengan keputusan Kerajaan Malaysia melalui Kenyataan Media YAB Timbalan Perdana Menteri bertarikh 19 Julai 2021, yang telah mengumumkan pelaksanaan perubahan Prosedur Operasi Standard (SOP) di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui surat bertarikh 22 Julai 2021 telah menetapkan pengoperasian pejabat dalam tempoh PPN ini, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) akan melaksanakan beberapa perubahan pada aktiviti pengoperasian seperti perkara berikut:

i. PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN

a. Operasi perkhidmatan Pusat Tanggungjawab (PTj) di UKM yang menawarkan perkhidmatan perlu (*essential services*), adalah dibenarkan beroperasi mengikut keperluan perkhidmatan. Perkhidmatan "essential services" yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- Bahagian Keselamatan UKM;
- Perkhidmatan Perubatan, Pergigian, dan Kesihatan termasuk yang ditawarkan oleh Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), Hospital Pakar Kanak-kanak (HPKK), Pusat Kesihatan Universiti (PKU), Fakulti Pergigian (FGG), Fakulti Sains Kesihatan (FSK) dan Institut Perubatan Molekul (UMBI).;
- Pengoperasian kemudahan penginapan, Pusat Perumahan Pelajar dan Kolej Kediaman bagi pelajar dalam kampus termasuk Pusat Isolasi Pelajar;



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerja,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/ 3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

- Pusat Hal Ehwal Pelajar UKM termasuk Unit Kebajikan dan Unit Kaunseling Pelajar;
 - Perkhidmatan Teknologi Maklumat termasuk pusat data, penyelenggaraan, perkhidmatan telekomunikasi dan internet;
 - Perkhidmatan Pembangunan dan Prasarana termasuk penyelenggaraan fizikal, perkhidmatan elektrik dan tenaga, air, pembentungan dan pengurusan sisa pepejal;
 - Perkhidmatan Kewangan seperti urusan perolehan, bayaran kepada pelanggan dan pengurusan gaji; dan
 - Talian khidmat pelanggan utama Universiti.
- b. Operasi perkhidmatan PTj yang bersifat bukan perkhidmatan perlu (*non-essential services*) adalah **pada tahap MAKSIMUM 40% bekerja di pejabat dan 60% staf Bekerja Dari Rumah (BDR)** sepanjang tempoh PPN Fasa 1. Ketua Jabatan diberi kuasa untuk menentukan keperluan staf yang hadir di pejabat tidak melebihi peraturan yang ditetapkan berdasarkan keperluan kerja, kapasiti ruang kerja dan SOP ketat di pejabat termasuk ruang makan semasa waktu rehat;
- c. Pejabat Am setiap PTj perlu dibuka sepanjang waktu bekerja. Namun, Ketua Jabatan dibenarkan untuk menentukan tempoh keberadaan staf di pejabat termasuk **bertugas separuh hari** di pejabat dan baki separuh hari secara BDR;
- d. **Perkhidmatan kaunter** perlu beroperasi sepenuhnya namun kehadiran pelanggan adalah pada **kadar 50%** secara temujanji;
- e. Staf adalah dibenarkan membawa pulang dokumen penting bagi melaksanakan tugas penting dari rumah sepanjang tempoh tersebut berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO);
- f. Ketua PTj perlu memastikan staf mematuhi Garis Panduan BDR UKM selaras dengan Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil. 4 Tahun 2021;
- g. Staf yang didapati sengaja melanggar SOP yang ditetapkan dan gagal mematuhi Garis Panduan BDR akan dikenakan tindakan tatatertib yang tegas. Ketua PTJ diminta melaporkan sebarang ketidakpatuhan serta kesalahan berkaitan kepada Unit Integriti dan Ombudsman, UKM. Di antara aktiviti yang **TIDAK DIBENARKAN** dilakukan semasa **waktu pejabat** adalah:
- Urusan peribadi tanpa kebenaran Ketua Jabatan; dan
 - Menyediakan kemudahan e-hailing atau menjalankan perniagaan secara fizikal atau dalam talian.
- h. Pekerja syarikat atau kontraktor luar bagi perkhidmatan berkeperluan penting sahaja adalah dibenarkan memasuki kawasan kampus dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat;



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

- i. Semua aktiviti secara bersemuka seperti mesyuarat/ kursus/ bengkel/ persidangan/ majlis rasmi/ majlis sosial adalah **TIDAK DIBENARKAN** dan hendaklah dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya;
- j. Operasi perkhidmatan di Tadika Tunas UKM serta Makmal Pembelajaran Autisme, Fakulti Pendidikan adalah **TIDAK DIBENARKAN** beroperasi;
- k. Perkhidmatan Ujian Saringan COVID-19 di UMBI adalah diteruskan sebagai membantu pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM); dan
- l. Penggunaan **Borang Kebenaran Bertugas Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)** jika melalui Sekatan Jalan Raya (SJR) atau **Surat Kebenaran Ketua Jabatan** masih kekal perlu disertakan jika hadir ke pejabat.

ii. AKTIVITI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

- a. Semua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) hendaklah di jalankan secara dalam talian sepenuhnya **KECUALI** kepada pelajar yang berkeperluan yang dikenal pasti oleh Dekan/Pengarah;
- b. Pelajar yang telah berada di kampus perlu kekal berada di kampus untuk mengikuti pembelajaran secara dalam talian. Bagi pelajar lain, pembelajaran bagi semua program pengajian diteruskan dari rumah secara dalam talian sepenuhnya;
- c. Pelajar-pelajar adalah tidak dibenarkan masuk/ berada di dalam bangunan Fakulti/ Institut tanpa kebenaran Universiti;
- d. Semua peperiksaan termasuk peperiksaan klinikal adalah tidak dibenarkan dijalankan secara bersemuka sepanjang tempoh ini **KECUALI** peperiksaan antarabangsa dan badan profesional sahaja dibenarkan dijalankan dengan pergerakan pelajar tidak melebihi 10km radius; dan
- e. Tindakan tatatertib serta denda boleh dikenakan kepada pihak Fakulti/ Institut/ Pusat Pengurusan Akademik sekiranya gagal memastikan kepatuhan kepada SOP seperti yang telah digariskan. Individu yang didapati melanggar SOP yang ditetapkan juga akan dikenakan tindakan tatatertib yang tegas.

iii. HAL EHWAL PELAJAR (WARGANEGARA & BUKAN WARGANEGARA)

- a. Merujuk kepada Memo Hal Ehwal Pelajar Bil.8/2021 - Covid-19: Panduan Permohonan Pelajar Pulang ke Kampung Halaman Sempena Cuti Semester 2020/ 2021 dalam Tempoh Pelan Pemulihan Negara, pergerakan pelajar pulang ke kampung sempena cuti semester adalah dibenarkan selaras dengan keputusan Mesyuarat Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) bersama KPT pada 8 Julai 2021. Perincian mengenai pergerakan pulang pelajar telah dinyatakan menerusi Memo HEP tersebut yang telah diedarkan kepada semua pelajar;



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

- b. Penginapan pelajar di kolej kediaman adalah dibenarkan bagi tujuan:
- latihan industri di dalam/luar kampus yang telah mendapat kelulusan dari fakulti serta diwajibkan untuk membuat ujian calitan (swab test) sekurang-kurangnya ujian RTK-Ag untuk memastikan pelajar berada dalam keadaan yang sihat dan bebas daripada jangkitan COVID-19;
 - pelajar yang tidak mempunyai akses dan persekitaran tidak kondusif bagi melaksanakan PdP dalam talian; dan
 - vaksinasi yang memerlukan penginapan sementara.

Pertanyaan berkaitan kolej kediaman boleh merujuk kepada Pusat Perumahan Pelajar (PPP) melalui e-mel pghperumahan@ukm.edu.my;

- c. Tiada pergerakan keluar masuk kampus dibenarkan bagi pelajar sedia ada dalam kampus (kecuali pelajar yang terlibat dengan latihan industri). Pelajar luar kampus juga dikehendaki kekal di lokaliti masing masing;
- d. Bagi pelajar yang perlu menjalani kuarantin seperti diarahkan oleh pihak PKU atau KKM, pelajar terlibat diminta untuk kekal berada di Pusat Isolasi yang disediakan dengan pematuhan kepada SOP ketat yang ditetapkan;
- e. Pelajar Antarabangsa kekal dengan SOP sedia ada tertakluk kepada arahan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dari semasa ke semasa;
- f. Premis seperti kafetaria dalam kampus adalah dibenarkan beroperasi dari pukul 6.00 pagi sehingga pukul 10.00 malam sahaja sepanjang tempoh ini berlangsung. Walau bagaimanapun, hanya kaedah bawa pulang (*take away*) sahaja dibenarkan. Perkhidmatan penghantaran makanan melalui aplikasi dalam talian adalah dibenarkan;
- g. Kedai runcit, dobi (termasuk layan diri), kedai buku dan kedai komputer dan telekomunikasi di dalam kampus juga dibenarkan beroperasi dari 8.00 pagi hingga 8.00 malam sahaja; dan
- h. Pihak Universiti melalui Pusat Hal-Ehwal Pelajar akan sentiasa bersedia membantu dan memastikan keperluan serta kebajikan para pelajar termasuk pelajar yang tinggal di luar kampus terjamin. Sekiranya pelajar memerlukan bantuan kebajikan dan informasi semasa berkaitan pelajar, pegawai berikut boleh dihubungi:

Nama : Encik Asyraf Radzwan
Jawatan : Penolong Pendaftar Kanan
Pusat Hal-ehwal Pelajar
E-mel : asyraf@ukm.edu.my
No. Telefon : 019-313 0151/ 012-951 0714 / 03-8921 3147



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

iv. AKTIVITI PENYELIDIKAN

- a. Semua aktiviti penyelidikan dalam kampus perlu ditangguhkan kecuali penyelidikan secara individu yang penting sahaja yang ditentukan oleh Dekan/Pengarah melalui Surat Kebenaran Ketua PTJ dengan mengikut SOP yang ketat; Ketua PTJ hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan keselamatan pelajar serta pematuhan SOP;
- b. Semua aktiviti penyelidikan luar kampus seperti kerja lapangan dan lawatan tapak perlu ditangguhkan sepanjang tempoh ini berlangsung;
- c. Pelajar luar kampus yang menjalankan aktiviti penyelidikan penting (secara individu sahaja) yang diluluskan hendaklah mendapatkan surat kebenaran keluar/masuk kampus daripada Ketua PTJ masing-masing; dan
- d. Garis Panduan Aktiviti Penyelidikan Sebagai Langkah Pencegahan Penularan Wabak COVID-19 (Versi 2.0) yang dikeluarkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan & Instrumentasi (CRIM) sebelum ini boleh dirujuk melalui pautan: <https://research.ukm.my/pekeliling-2/>.

v. KESELAMATAN KAMPUS

- a. Warga kampus adalah dinasihatkan untuk menjaga keselamatan barangan peribadi dan alatan pejabat pada setiap masa dan memastikan semua premis berada di tahap keselamatan yang tinggi sepanjang tempoh ini;
- b. Rondaan keselamatan akan dipertingkatkan dalam tempoh ini;
- c. Setiap individu yang masuk ke kampus adalah **WAJIB** mengemukakan Borang Kebenaran Bertugas IPT atau Surat Kebenaran Ketua Jabatan sekiranya diminta oleh mana-mana anggota keselamatan UKM;
- d. Penerima vaksin termasuk staf dan pelajar perlu mengemukakan bukti janji temu melalui aplikasi MySejahtera sekiranya diminta; dan
- e. Staf atau pelajar yang terlibat sebagai petugas /sukarelawan di Pusat Penerimaan Vaksin (PPV) adalah dibenarkan untuk keluar /masuk ke kawasan kampus untuk ke PPV yang berkenaan dengan menunjukkan surat pengesahan bertugas.



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

vi. AKTIVITI RIADAH, REKREASI DAN BUDAYA

- a. Aktiviti sukan dan rekreasi yang dilakukan secara individu di kawasan terbuka tanpa bersentuhan secara fizikal terhadap jogging, senaman dan berbasikal sahaja adalah dibenarkan dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 2 hingga 3 meter di dalam kawasan kampus bermula jam 7.00 pagi hingga 8.00 malam;
- b. Pelajar dilarang mengadakan sebarang aktiviti perbincangan kumpulan/perjumpaan dan latihan secara bersemuka / fizikal;
- c. Pihak Kolej dan Fakulti/ Institut/ Pusat diminta untuk memastikan perkara ini dipatuhi oleh semua pelajar; dan
- d. Mana-mana pelajar yang didapati ingkar dalam mematuhi arahan ini akan dikenakan tindakan yang tegas termasuk pelaporan kepada pihak berkuasa atas kegagalan mematuhi perintah dan dikenakan tindakan tatatertib.

vii. PELAKSANAAN SOLAT DI MASJID UKM

- a. Aktiviti yang dibenarkan adalah Solat Fardu yang dihadkan kepada 6 orang yang terdiri daripada ahli pengurusan Masjid dan Solat Jumaat yang dihadkan kepada 50 orang jemaah sahaja termasuk ahli pengurusan Masjid. Aktiviti lain adalah **TIDAK DIBENARKAN**;
- b. Jemaah dikehendaki mematuhi SOP yang ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS);
- c. Individu yang tidak sihat atau mempunyai sebarang faktor risiko jangkitan COVID-19 adalah dilarang sama sekali melaksanakan solat di Masjid; dan
- d. Pihak pengurusan Pusat Islam Universiti perlu memastikan jemaah mematuhi garis panduan lain yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan KKM.



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

3. Untuk makluman, Bilik Gerakan COVID-19 UKM di Pusat Kesihatan Universiti (PKU) akan beroperasi 24 jam. Sebarang pertanyaan dan bantuan, warga UKM boleh menghubungi:


- a. **Dr. Mohd Azman Abas**
Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti di talian: 016-6654442; dan
- b. **Dr. Masdalina Azhari**
Pegawai Perubatan, Pusat Kesihatan Universiti di talian: 019-2645072.

4. Pekeliling ini **berkuat kuasa 27 Julai 2021** dan akan kekal berkuat kuasa jika PPN Fasa 1 disambung atau tiada sebarang perubahan SOP. Pihak pengurusan Universiti berdoa agar semua pihak terus komited dan bertenang dalam menjalankan tugas untuk negara demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan warga UKM dan rakyat negara ini terpelihara. Setiap warga dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi disiplin sosial yang tinggi bagi mengawal penularan wabak COVID-19.

Sekian, terima kasih.

“Pembudayaan Pengurusan Risiko dan Kesihatan Pekerjaan Dalam Era Norma Baharu”

Yang benar



PROF. Ts. DR. KADIR ARIFIN

Pengarah

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM)

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Penyakit Berjangkit

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)
 - Pendaftar
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang
 - Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh